



## **TEKS UCAPAN**

**YB FAHMI FADZIL  
MENTERI KOMUNIKASI**

**SEMPENA  
EKSPRESI BULAN KEBANGSAAN 2024**

**19 MEI 2024 (AHAD), 3.00 PETANG  
STESEN SENTRAL KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **EKSPRESI BULAN KEBANGSAAN 2024**

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul sempena Program Ekspresi Bulan Kebangsaan 2024. Ekspresi Bulan Kebangsaan pada hari ini adalah program permulaan menuju Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini.
2. **Program seumpama ini turut dilaksanakan secara serentak di Penampang, Sabah dan Kuching, Sarawak.** Inisiatif ini merupakan salah satu pendekatan bagi memastikan usaha untuk menyemarakkan perasaan cintakan negara dapat meresapi rakyat pelbagai peringkat di seluruh negara.
3. Pelbagai pengisian program diketengahkan, termasuk pameran kenegaraan, persembahan kesenian, reruai foto, pertandingan mewarna kanak-kanak dan segmen ekspresi merdeka. Turut menjadi tumpuan adalah pameran *miniature* berkonsepkan kemerdekaan, permainan tradisional dan busana tradisional.

## **INISIATIF 1 RUMAH 1 JALUR GEMILANG (1R1JG)**

Hadirin yang dihormati,

4. Amalan mengibarkan Jalur Gemilang terutamanya ketika sambutan Bulan Kebangsaan perlu sentiasa dipergiat. Bulan Kebangsaan merupakan perayaan yang sentiasa dinantikan oleh rakyat Malaysia dengan perasaan berkobar-kobar untuk menghias Jalur Gemilang di kediaman masing-masing. Bagi memakmurkan semangat ini, **Kementerian Komunikasi mengetengahkan inisiatif yang dikenali sebagai 1 Rumah 1 Jalur Gemilang (1R1JG).**
5. Jalur Gemilang merupakan simbolik kemerdekaan dan perpaduan rakyat Malaysia. Inilah bendera yang kita kibarkan di setiap detik

kejayaan yang ditempa di seluruh dunia. Namun usaha ini sebenarnya perlu disemarakkan bermula di tanah air sendiri, melalui rumah yang menjadi tempat paling selamat untuk diduduki keluarga tersayang.

6. Dalam pada itu, saya ingin mengingatkan semua untuk mengibarkan Jalur Gemilang yang sempurna iaitu bendera yang tidak koyak, tidak uzur dan tidak lusuh kerana ia adalah gambaran diri kita sebagai warganegara bertanggungjawab dan cintakan negara.

### **MALAYSIA DI LANDASAN DAN HALA TUJU TERBAIK**

Hadirin yang dihormati,

7. Kerajaan MADANI tidak pernah berhenti untuk sentiasa memastikan pertumbuhan ekonomi, membanteras rasuah, pelaksanaan tatakelola yang baik dan peningkatan kesejahteraan hidup rakyat.
8. Pengumuman berkaitan **Ekonomi MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030), National Energy Transition Roadmap (NETR), Kajian Sistem Saran Penjawat Awam dan Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif** adalah bukti usaha kerajaan untuk membantu mengurangkan jurang ekonomi antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah serta menyumbang kepada keadilan ekonomi.
9. Kerajaan juga akan menumpukan kepada perkembangan industri kecerdasan buatan (AI) dan tenaga boleh diperbaharui sebagai salah satu usaha meningkatkan kadar pelaburan dan pendapatan negara. Strategi ini dibina berdasarkan nilai-nilai MADANI dan memerlukan penglibatan seluruh rakyat Malaysia untuk menjayakannya. Kerajaan mengambil kira kepentingan semua untuk mewujudkan masyarakat yang seimbang dan inklusif.

## **ISU 3R: ANCAMAN KEPADA PERPADUAN**

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Isu 3R – iaitu melibatkan kaum, agama dan Institusi Diraja sering menjadi pencetus konflik dalam negara. Isu-isu berkaitan kaum dan agama masih menjadi cabaran kepada kesepaduan rakyat di Malaysia.
11. Namun perkara ini tidak mustahil dapat didepani bersama, sekali gus membuktikan perbezaan kaum dan agama sebenarnya hanya retorik dalam pembentukan identiti dan perpaduan.
12. Negara kita sudah bebas daripada penjajahan, janganlah kerana isu 3R meracuni pemikiran kita, akhirnya mewujudkan suasana kacau-bilau yang menggugat ketenteraman negara kita.
13. Perpaduan dan Rukun Negara mempunyai kesalinghubungan yang rapat. Rukun Negara merupakan panduan asas yang menggariskan prinsip-prinsip utama untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat.
14. Negara luar mungkin tertanya-tanya apakah yang menjadi pegangan rakyat kita yang berbilang kaum untuk kekal harmoni? Jawapannya, kelima-lima prinsip rukun negara menjadi pegangan setiap anak Malaysia untuk terus mengamalkan budaya dan tradisi perpaduan yang mengagumkan masyarakat dunia.
15. Tahun ini amat istimewa dan bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana kita sekali lagi bakal menyaksikan Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tiada mana-mana negara lain di dunia ini yang memiliki keunikan ini. Setiap lima tahun, kita bertuah kerana dapat menyaksikan istiadat tersebut. Namun, selaku Menteri Pengurusi Jawatankuasa Khas Acara-Acara sempena istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17, harapan saya agar rakyat Malaysia tidak hanya menantikan cuti umum semata-mata.

16. Sebaliknya, marilah kita semua raikan keistimewaan ini dan jadikannya sebagai waktu untuk berkumpul bersama dan dalami sejarah Institusi Diraja.
17. Ketepikan perbezaan agama, bangsa dan fahaman politik demi menyuburkan keutuhan perpaduan yang telah kita kecapi. Memetik kata-kata Tunku Abdul Rahman “*Negeri kita unik. Tidak ada ‘isme’ yang boleh diimport dari luar negeri. Kita kenalah tadbirkan negeri ini secara sendiri. Jika kita cuba hendak tiru mana-mana ‘isme’ dari negeri luar, maka sudah tentu tidak dapat diterima rakyat negeri ini. Semangat kebangsaan hendaklah dijadikan baja bagi menyuburkan kemerdekaan yang kita capai*”.

## **PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK**

Hadirin yang dihormati,

18. Penganjuran program hari ini merupakan kejayaan dan kerjasama pelbagai pihak. Sehubungan dengan itu, penghargaan yang tidak terhingga dirakam kepada MRCB, Richiamo Coffee, HRD Corp., WCO, 3thirds Inc Sdn. Bhd. dan Yeo’s yang bertindak sebagai rakan strategik program kali ini. Ucapan terima kasih juga dizahirkan kepada organisasi media, jabatan dan agensi lain turut menjayakan program ini.

## **PENUTUP**

19. “Merdeka” satu perkataan dengan seribu makna. Kemerdekaan bukanlah sekadar suatu tarikh di kalender, tetapi satu semangat yang berkobar-kobar dalam jiwa setiap anak Malaysia dan menjadi titik tolak ke arah masa depan yang lebih berwawasan sebagai satu bangsa yang bersatu padu.
20. Hari Kebangsaan adalah masa untuk mengenang sejarah yang membangkitkan semangat patriotisme dalam diri kita semua. Sama-sama ber syukur atas kebebasan yang kita nikmati ini.

21. Akhir kata, bagi pihak Kementerian Komunikasi selaku Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

Sekian.

Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.